

11.4.2023

Siaran Media

Ir. PATHMANATHAN K.

CEO, PBA HOLDINGS BHD DAN PBAPP.

## **SITUASI WASPADA 2 BEKALAN AIR PULAU PINANG 2023: KAPASITI EMPANGAN PULAU PULAU PINANG MENGHAMPIRI PARAS 50%**

- **Taburan hujan rendah direkodkan di kawasan tadahan air Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang sejak 1.1.2023.**
- **Pengguna air Pulau Pinang harus menggunakan air dengan berhemat sehingga hujan tiba untuk mengisi semula empangan.**

PULAU PINANG, Selasa, 11.4.2023: Kapasiti efektif dua empangan utama di Pulau Pinang telah menurun kepada kira-kira 50% dan pengguna air dinasihatkan menggunakan air dengan berhemat sehingga tibanya hujan lebat untuk mengisi semula empangan.

Pada 10.4.2023, kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang adalah seperti berikut:

<b>Kapasiti Efektif Empangan</b>		1.1.2023	10.4.2023
1.	Empangan Air Itam	82.5%	<b>51.8%</b>
2.	Empangan Teluk Bahang	64.0%	<b>51.3%</b>

Jumlah hujan yang direkodkan di kawasan tadahan air empangan bagi bulan Januari, Februari dan Mac 2023 adalah seperti berikut:

<b>Hujan Rekod Di Kawasan Tadahan Air</b>	Empangan Air Itam (mm)	Empangan Teluk Bahang (mm)
Januari 2023	20.0	62.5
Februari 2023	85.5	106.0
Mac 2023	23.5	82.5
<b>Jumlah</b>	<b>129.0</b>	<b>251.0</b>

Sementara itu, purata penggunaan air harian bagi Pulau Pinang dalam tempoh 2 bulan ialah:

<b>Penggunaan air di Negeri Pulau Pinang</b>	<b>Juta liter sehari (JLH)</b>
Januari 2023	875
Februari 2023	944

Statistik ini menggambarkan fakta bahawa taburan hujan rendah di kawasan tadahan air (KTA) empangan dan permintaan air yang tinggi merupakan dua faktor utama yang menyebabkan kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang menurun sebanyak 30.7% dan 12.7% sejak 1.1.2023.

#### RESPONS KEJURUTERAAN BEKALAN AIR PBAPP

Sebagai respons kepada senario amaran bekalan air ini, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) sedang melaksanakan langkah-langkah kejuruteraan bekalan air berikut:

- Mengoptimumkan pengabstrakan air mentah dari Sungai Muda dan pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air Sungai Dua (LRA Sungai Dua);
- Mengepam lebih banyak air terawat dari LRA Sungai Dua ke Pulau Pinang (melalui 3 set saluran paip berkembar dasar laut) untuk menyokong bekalan air di pulau;
- Meminimumkan pelepasan air mentah dari Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang seboleh mungkin, tanpa menjejaskan perkhidmatan bekalan air;
- Meningkatkan kawalan cuaca kering untuk “mempertahankan” kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang secara strategik selama mungkin;
- Penjadualan semula kerja-kerja paip berjadual untuk meminimumkan pembaziran air;
- Memberi respons kepada aduan awam mengenai paip pecah atau bocor secepat mungkin; dan
- Menyediakan pelan kontingensi untuk menangani permintaan air di kawasan tanah tinggi dan hujung paip agihan (HPA) jika musim kemarau semasa berterusan.

#### KERJASAMA PENGGUNA AIR DOMESTIK PULAU PINANG

PBAPP juga memohon kerjasama semua pengguna air domestik (isi rumah) Pulau Pinang untuk menggunakan air dengan berhemat. Data analisis penggunaan PBAPP

2022 menunjukkan bahawa penggunaan air domestik menyumbang 61.5% daripada purata penggunaan harian Pulau Pinang sebanyak 868 juta liter sehari (JLH).

Oleh yang demikian, kami ingin memohon kepada semua penduduk di Pulau Pinang untuk:

- Tidak membiarkan paip mengalir;
- Seboleh mungkin elakkan penggunaan hos;
- Bersihkan kenderaan (kereta dan motosikal) sekiranya perlu sahaja;
- Siram taman dan pokok-pokok menggunakan tin penyiram dan bukannya hos;
- Baiki semua paip dan pili yang bocor dengan segera; dan
- Simpanan sekurang-kurangnya untuk keperluan sehari isi rumah.

Untuk lebih banyak tip-tip penjimatan air domestik, sila layari, [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my)

Kerjasama baik anda amatlah kami hargai. Marilah kita bersama-sama mengelak berlakunya kekurangan bekalan air di Pulau Pinang sehingga tibanya musim hujan.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : syarifah@pba.com.my